

**KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA
LOKASI, KUALA PILAH DAN ALOR GAJAH**



OLEH :

**ASMAH AWAL
NOR'AISHAH ABU SHAH**

MEI 2004

Handwritten signature

FAX : 06-4841296

PEJABAT PROVOS;

PROVOS
TALIAN TERUS: 06-
4841297
06-4821202
JURUTRENGKAS
06-4821202

PENTADBIRAN;
06-4821200
06-4821201

PEGAWAI EKSEKUTIF
06-4821209

PENOLONG AKAUNTAN
06-4821210

HAL EHWAL
AKADEMIK;
06-4821233

KOORDINATOR PRA-SAINS
06-4821211

KOORDINATOR BAHASA
06-4821212

PEGAWAI EKSEKUTIF
06-4821229

HAL EHWAL
PELAJAR;
06-4821223

KETUA UNIT HEP
06-4821223

PEN. PENGURUS ASRAMA
06-4821232

PERPUSTAKAAN;
06-4821217

PUSTAKAWAN
06-4821216

PENYELENGGARAAN;
06-4821222

KESELAMATAN;
KETUA P. KESELAMATAN
06-4821234

POS PENGAWAL
06-4821221



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
KAMPUS KUALA PILAH

**BIRO PENYELIDIKAN DAN
PERUNDINGAN**

Peti Surat 156, 72007 Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus

Surat kami : 100 CNS(PT9/10/5)
Tarikh : 06 Ogos, 2002

Pn. Asmah binti Awai
Pensyarah
Universiti Teknologi MARA
Kampus Kuala Pilah
Negeri Sembilan

Puan

**TAJUK PROJEK :KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP
MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA LOKASI TERPILIH, KUALA
PILAH DAN ALOR GAJAH**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Bil 3/ 2002 bertarikh 2 Ogos 2002 telah membuat keputusan:-

- i. Bersetuju meluluskan(dengan pindaan) cadangan penyelidikan yang dikemukakan oleh puan.
- ii. Tempoh projek penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu mulai 07 Ogos 2002 hingga 06 Ogos 2003
- iii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM10,000.00 sahaja. Puan diminta memperincikan semula keperluan kewangan tersebut.
- iv. Bil-bil bayaran penyelenggaraan peralatan hendaklah dikemukakan ke Biro Penyelidikan dan Perundingan.
- v. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- vi. Semua pembelian peralatan yang kosnya melebihi RM500.00 satu item perlu menggunakan Pesanan Jabatan Universiti Teknologi MARA (LO). Pihak puan juga dikehendaki mematuhi peraturan penerimaan peralatan.

- vii. Semua peralatan/keengkapan penyelidikan dibeli adalah menjadi hak milik UiTM Kampus Kuala Pilah. Semua peralatan/keengkapan hendaklah diserahkan kepada pihak UPP setelah tamat penyelidikan untuk kegunaan bersama.
- viii. Kertaskerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah 75% **deraf awal laporan akhir** penyelidikan dihantar ke Biro untuk semakan. Walaubagaimanapun, puan perlu membuat permohonan kepada Biro Penyelidikan dan Perundingan.
- ix. Pihak puan dikehendaki **mengemukakan Laporan Kemajuan Projek** Penyelidikan bagi tempoh setiap 4 bulan penyelidikan dijalankan. Laporan akhir perlu dihantar selawai-lewinya 5 bulan selepas penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi di Unit Penyelidikan dan Perundingan

Bersama-sama ini disertakan Perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila penuhkan perjanjian berkenaan dengan menggunakan pen berdakwat hitam dan kembalikan ke pejabat ini untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN"

Yang benar



PROF. MADYA DR. WAN RAMLEE WAN A KADIR
Penyelaras Kampus

- s.k. 1. Timbalan Naib Canselor (Perancangan dan Penyelidikan)
- 2. Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
- 3. Pegawai Kerja Akaun
Unit Kewangan Zon 17
Biro Penyelidikan dan Perundingan
- 4. Pegawai Kerja Akaun
UiTM Kampus Kuala Pilah



Tarikh : 31 Mei 2004
No. Fail Projek :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP
MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA LOKASI, KUALA PILAH DAN ALOR
GAJAH”**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “Kajian Etnobotani Terhadap Masyarakat Tempatan di Dua Lokasi, Kuala Pilah dan Alor Gajah”.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


ASMAH AWAL

Ketua
Projek Penyelidikan

DAFTAR AHLI PENYELIDIK

**ASMAH AWAL
KETUA PROJEK**



.....
Tandatangan

**NOR'AISHAH ABU SHAH
Ahli**



.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Di antaranya :

Prof. Madya Datuk Dr. Tengku Jamaluddin Tengku Mahmud Shah Al-Haj
Pengarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Malaysia

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Pilah

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Alor Gajah

Datuk Batin Ketos Bin Munkin
Datuk Batin Bukit Langkap, Kuala Pilah

Datuk Batin Bata Bin Wahid
Datuk Batin Bukit Payong, Alor Gajah

Encik Sulak Bin Panglima Besar
Pengerusi JKKK Bukit Langkap, Kuala Pilah

Encik Nawawi Bin Long
Pembantu Makmal UiTM Negeri Sembilan

dan

Semua penduduk perkampungan orang asli kaum Temuan yang telah memberikan kerjasama di dalam menjayakan penyelidikan ini.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
i. Tajuk	i
ii. Surat Penyerahan Laporan	ii
iii. Daftar Ahli Penyelidik	iii
iv. Penghargaan	iv
v. Isi Kandungan	v
vi. Senarai Jadual	vii
vii. Senarai Plat A	viii
viii. Senarai Plat B	x
viii. Abstrak	xi
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Penyelidikan	3
2.0 Semakan Literatur	5
2.1 Masyarakat Orang Asli	6
2.2 Kajian Etnobotani Masyarakat Temuan	10
2.2.1 Pengecaman Tumbuhan oleh Kaum Temuan	10
3.0 Bahan dan Kaedah Penyelidikan	12
3.1 Skop Penyelidikan	12
3.2 Definisi Terma	12
3.3 Kaedah Penyelidikan	13
3.3.1 Pengumpulan dan Pengecaman Spesies	13

3.3.2	Penyenaraian Kegunaan dan Fungsi Tumbuhan Terpilih	14
3.3.3	Penyediaan Herbarium	14
4.0	Keputusan	16
4.1	Latar belakang Kaum Temuan	16
4.1.1	Kaum Temuan di Bukit langkap, Kuala Pilah	16
4.1.2	Kaum Temuan di Bukit Payong, Alor Gajah	18
4.2	Pengumpulan dan Pengecaman Spesies	18
4.3	Kegunaan Tumbuhan dari Persepsi Masyarakat Temuan	22
4.4	Penghasilan Herbarium	27
5.0	Perbincangan	29
5.1	Masyarakat Temuan	29
5.2	Pengumpulan dan Pengecaman Tumbuhan Terpilih	32
5.3	Kepentingan Tumbuhan Terpilih	33
6.0	Rumusan	36
6.1	Kakangan Kajian	37
6.2	Implikasi Harta Intelek	37
8.0	Rujukan	38
9.0	Plat A	42
10.0	Plat B	59

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 2.1	Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Melayu Asli di Semenanjung Malaysia	7
Jadual 2.2	Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Negrito di Semenanjung Malaysia	8
Jadual 2.3	Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Senoi di Semenanjung Malaysia	9
Jadual 4.1	Koleksi tumbuhan yang dikumpulkan di Bukit Langkap, Kuala Pilah	19
Jadual 4.2	Koleksi tumbuhan yang dikumpulkan di Bukit Payong, Alor Gajah	21
Jadual 4.3	Kegunaan tumbuhan menurut preskripsi Kaum Temuan di Bukit Langkap, Kuala Pilah	23
Jadual 4.4	Kegunaan tumbuhan menurut preskripsi Kaum Temuan di Bukit Langkap, Kuala Pilah	25
Jadual 4.5	Koleksi herbarium yang dihasilkan di dua lokasi kajian	27

SENARAI PLAT A

PLAT		MUKA SURAT
Plat 4.1	Salah sebuah rumah kaum Temuan di Bukit Langkap, Kuala Pilah	42
Plat 4.2	Datuk Batin Ketos bersama dengan Datuk Jenang dan Datuk Jekerah sewaktu sesi perbualan dengan pengkaji	42
Plat 4.3	Ubat tradisional yang terdiri daripada ramuan akar kayu yang dipasarkan ke masyarakat di luar	43
Plat 4.4	Datuk Batin Bata yang sedang ditemubual oleh pengkaji	44
Plat 4.5	Rumah Datuk Batin Bata di Bukit Payung Alor Gajah	44
Plat 4.6	Pokok Akar Badi Kenan (L1)	45
Plat 4.7	Akar pumpong (L3)	45
Plat 4.8	Daun Lanjut (L4)	46
Plat 4.9	Karang Gatal (L6)	46
Plat 4.10	Mengkuang Kenan (L10)	47
Plat 4.11	Penyerep Petai (L12)	47
Plat 4.12	Rejan (L14/P11)	48
Plat 4.13	Sengbet (L16)	48
Plat 4.14	Tengkuk Biawak (L17/P12)	49
Plat 4.15	Akar Peperah (L18)	49
Plat 4.16	Jakieo dan akarnya yang berwarna kuning (L19)	50
Plat 4.17	Memecah Darah (L21)	50

Plat 4.18	Misai Keli/Pengiau (L22)	51
Plat 4.19	Akar Dedawai (P1)	51
Plat 4.20	Bertut (P5)	52
Plat 4.21	Bujang Semalam (P6)	52
Plat 4.22	Tongkat Ali Hitam (P13)	53
Plat 4.23	Ubat Buasir (P14)	53
Plat 4.24	Balik Hadap (P16)	54
Plat 4.25	Balik Sinik Jantan (P17)	54
Plat 4.26	Belum Tawar (P18)	55
Plat 4.27	Lebak (P20)	55
Plat 4.28	Penajam Betina (P22)	56
Plat 4.29	Penajam Jantan (P23)	56
Plat 4.30	Peringat Batu (P24)	57
Plat 4.31	Sakit Perempuan (P25)	57
Plat 4.32	Sampuk Landak (P26)	58

SENARAI PLAT B

PLAT		MUKA SURAT
Plat B.1	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian Di Perkampungan Orang Asli di Daerah Kuala Pilah dan Alor Gajah	59
Plat B.2	Syarat-Syarat Menjalankan Kajian /Penyelidikan di Perkampungan Orang Asli Yang Telah Diluluskan oleh JHEOA	61
Plat B.2	Pembentangan Poster bersempena Herbal Symposium 2003: Herbs for Health	62

KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA LOKASI, KUALA PILAH DAN ALOR GAJAH

ABSTRAK

Kajian etnobotani dilakukan terhadap dua perkampungan orang asli Temuan di dua negeri iaitu, Bukit Langkap, Kuala Pilah dan juga Bukit Payong, Alor Gajah. Skop kajian tertumpu kepada penyampelan tumbuhan, pengkategorian secara emik terhadap penamaan tumbuhan ubatan dan aplikasi tumbuhan ubatan yang terdapat di dalam hutan sekitar perkampungan ini. Kepelbagaian spesies dapat dikenalpasti di kedua-dua tapak kajian. Sebanyak 52 spesies tumbuhan telah dapat dikenalpasti samada secara emik ataupun secara saintifik yang biasanya digunakan oleh masyarakat orang asli Temuan untuk merawat penyakit-penyakit tertentu. Sebanyak 32 koleksi herbarium dapat dihasilkan dan akan dijadikan sebagai inventori kekal tumbuhan. Koleksi ini penting dalam mengekalkan koleksi hazanah hutan daripada hilang.

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Kajian etnobotani merujuk kepada kajian interaksi antara manusia dengan tumbuhan. Ia memerihalkan saling tindakan antara individu atau sesuatu masyarakat tempatan dengan tumbuhan di sekeliling mereka dari segi penggunaannya dalam corak kehidupan yang pelbagai. Masyarakat tempatan merujuk kepada golongan pribumi atau masyarakat yang ada hubungan erat dengan hutan dan arif dengan kegunaan tumbuhan (Martin, 1998).

Dokumentasi kajian etnobotani perlu dalam penyenaraian jenis tumbuhan yang hadir di sesuatu lokasi, penggunaannya dalam pelbagai fungsi dan tatacara penggunaan tumbuhan tersebut. Kajian etnobotani juga meninjau pengubahsuaian vegetasi di perkarangan rumah hingga ke hutan sekunder berhampiran dengan majoriti tumbuhan berguna yang boleh didapati samada untuk kegunaan sendiri atau tujuan komersil. Inventori-inventori ini adalah sangat berguna sebagai dokumentasi kekal sebelum tumbuhan-tumbuhan ini hilang untuk selamanya.

Kajian ini merupakan kajian awal dari pendekatan etnobotani yang masih belum dilakukan iaitu di Bukit Langkap, Kuala Pilah dan Bukit Payung, Alor Gajah. Kedua-dua lokasi ini dipilih secara rawak dengan bantuan dan cadangan daripada Jabatan Orang Asli dan Pejabat Daerah. Di masa hadapan, kajian seumpama ini boleh dilakukan di beberapa lokasi yang lain pula.

Kuala Pilah, salah satu daerah dalam Negeri Sembilan yang masih lagi mengekalkan sebahagian besar hutan hujan tropiknya. Maka, kepelbagaian sumber hutannya masih lagi kaya dan dapat dimanfaatkan oleh sebahagian besar masyarakat tempatan. Antara lain, sumber hutan ini dapat digunakan sebagai sumber makanan, ubatan, serat@bahan binaan, pelekat, pengawetan, pewarna dan sebagainya. Bahan-bahan ini diperlukan untuk kegunaan sendiri atau sebagai bahan jualan bagi menambah pendapatan sampingan golongan tertentu. Bukit Langkap adalah sebuah lokasi dalam daerah Kuala Pilah. Ia merupakan kawasan berbukit dan suhu sekitarnya adalah di antara 25-28 °C.

Terdapat satu lagi lokasi pilihan iaitu di daerah Alor Gajah, Melaka. Tumpuan masyarakat yang dikaji adalah golongan pribumi dari suku Senoi dan Temuan. Masyarakat orang asli ini walaupun sudah mula mengamalkan gaya hidup yang agak maju tetapi dalam masa yang sama beberapa aspek budaya mereka masih dikekalkan. Justeru itu, kajian ini cuba mencungkil aspek etnobotani yang masih lagi wujud di kalangan mereka. Kawasan kediaman mereka dikenali sebagai Bukit Payung, yang merupakan kawasan berbukit dengan ketinggian 250 meter dari aras laut dengan suhu sekitar 26 °C.

Menerusi kajian ini diharapkan satu inventori jenis tumbuhan terutamanya yang bernilai komersil dapat dibuat berdasarkan kepada dua lokasi terpilih untuk kajian seterusnya.

1.1 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Dokumentasi vegetasi di dua tapak kajian merupakan sumber utama kajian ini. Dalam masa yang sama, kegunaan tumbuhan ini secara semula jadi oleh masyarakat setempat cuba direkodkan yang mungkin berpotensi untuk diketengahkan kepada masyarakat luar. Justeru itu, objektif kajian dibahagikan kepada :

1. membuat inventori jenis tumbuhan berguna di lokasi pilihan berserta dengan kegunaan semulajadi tumbuhan terpilih.
2. mencari maklumat etnobotani dan mendokumentasikannya.
3. mencadangkan perlindungan kawasan-kawasan semulajadi yang memberikan sumbangan kepada kebaikan masyarakat setempat untuk mengelakkan kepupusan tumbuhan terpilih.
4. mencungkil produk-produk semulajadi baru tumbuhan yang mempunyai nilai komersil.

Kajian ini merupakan kajian awal dan akan dijadikan sebagai sumber utama kepada kajian-kajian lanjutan memandangkan ianya merupakan kajian awal di dua lokasi yang berbeza. Pengecaman species tumbuhan terpilih amat berguna dalam mempertingkatkan pengetahuan berkaitan dengan penemuan spesies yang baru dan yang boleh dikomersilkan. Dalam masa yang sama, ini dapat mempromosikan pengetahuan etnobotani tradisional kepada masyarakat luar. Sumber asli yang ditemui dapat dikekalkan dan dijadikan sumber rujukan untuk kajian lanjutan kerana spesies liar

berperanan penting dalam bidang genetik tumbuhan pertanian bagi pembangunan ekonomi masa hadapan.

Pengecaman tumbuhan adalah berdasarkan nama tempatan yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional dan seterusnya pengecaman nama saintifik ditentukan oleh pakar taksonomi (Ainun *et all*, 1998). Pengecaman secara saintifik dapat memastikan ketepatan species yang dikaji walaupun pada lokasi berlainan. Dalam masa yang sama, penghasilan herbarium bagi setiap sampel tumbuhan turut dijadikan sebagai bukti pengecaman tumbuhan terpilih. Koleksi herbarium ini akan dijadikan sebagai koleksi kekal bagi kegunaan pengkaji untuk tujuan pengecaman untuk kajian lanjutan terhadap sampel pokok terpilih di masa akan datang.

SEMAKAN LITERATUR

2.0 SEMAKAN LITERATUR

Etnobotani merupakan kajian interaksi antara manusia dengan tumbuhan. Menurut Veilleux & King (1996), etnobotani adalah kajian terhadap manusia dengan budaya dan kawasan tertentu menggunakan tumbuhan sekitaran mereka. Aspek persekitaran yang dikaji pula merangkumi haiwan dan tumbuhan, bentuk-bentuk muka bumi, jenis hutan dan tanah-tanah. Sandberg & Corrigan (1993) pula menyatakan, etnobotani mempunyai pertalian rapat dengan farmakognosi, yang menjelaskan keadaan budaya yang berbeza dalam melakukan pengumpulan atau penanaman dan penggunaan tumbuhan sebagai ubatan, makanan, pakaian dan peralatan.

Justeru itu, kajian ini melibatkan saling tindakan antara individu atau sesuatu masyarakat tempatan dengan tumbuhan di sekeliling mereka dari segi penggunaannya dalam corak kehidupan yang pelbagai (Martin, 1998). Golongan pribumi atau masyarakat sudah semestinya mempunyai hubungan yang erat dengan hutan di sekitar mereka di samping arif dengan kegunaan tumbuhan.

Sejarah telah membuktikan bahawa kegunaan tumbuhan dalam kehidupan seharian adalah satu kemestian. Penggunaan produk semulajadi/asli dalam ubatan sudahpun bermula di kalangan orang Sumeria sekitar tahun 4, 000 sebelum masihi. Pada masa ini, bahan yang biasanya digunakan ialah opium. Manakala di negara China pula, ginseng, rhubarb dan ephedra sudah digunakan pada 5 000 tahun dahulu. Kepentingan tumbuhan ke atas manusia telahpun dibukukan untuk pengetahuan umum. Antaranya,

dalam abad ke 16, L. Fuchs telah mengarang buku bertajuk “Krauterbucher” (Buku Herba) yang dapat mendokumentasikan pengetahuan yang sangat bernilai ini.

Seterusnya, sekitar abad ke 20, dengan terciptanya kimia organik sintetik, minat kepada penggunaan tumbuhan ubatan menurun di barat. Dalam beberapa dekad yang lepas, minat masyarakat terhadap produk semulajadi sudah meningkat semula akibat daripada kesangsian terhadap keselamatan ubat yang tidak asli dan sintetik ini. Bagaimanapun kedua-dua kaedah sepatutnya hendaklah digunakan samada ubatan konvensional, komplementari ataupun alternatif. Maka dengan itu, kajian terhadap sumber semulajadi perlulah diselongkar dan diketengahkan semula.

Etnobotani juga berkait dengan botani, iaitu kajian terhadap tumbuhan. Penerokaan terhadap tumbuhan bukan hanya dilihat dari aspek kegunaan dalam ubatan malahan juga sebagai sumber makanan, tempat tinggal, pakaian, hasil buruan, keagamaan dan juga keraian. Dalam kajian etnobotani, pada kebiasaannya, pengetahuan tradisional tentang tumbuhan boleh diperolehi daripada pakar dari lokasi kajian seperti bomoh ataupun tok batin.

Maklumat berkaitan dengan kegunaan dan nama tempatan bagi tumbuhan yang diperolehi biasanya akan direkodkan berdasarkan kepada pemberi maklumat dari kawasan setempat yang dikaji. Dalam masa yang sama, nama tempatan bagi sampel tumbuhan yang diperolehi perlu di transkripsikan kepada bahasa perhubungan tempatan untuk mendapatkan penerangan bagi setiap maksud penamaan tumbuhan yang diperolehi.

2.1 MASYARAKAT ORANG ASLI

Orang asli merupakan masyarakat pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Menurut Jimin (1992), terdapat seramai 83 453 orang populasi orang asli yang merupakan 5% daripada jumlah penduduk Malaysia. Dengan dikategorikan kepada 3 kumpulan utama iaitu Melayu Asli, Negrito dan Senoi, kumpulan ini pula terdiri daripada 19 kumpulan etnik. Setiap kumpulan etnik ini mendiami negeri-negeri tertentu dan mempunyai budaya dan bahasa tersendiri.

Jadual 2.1: Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Melayu Asli di Semenanjung Malaysia

Kumpulan Etnik	Lokasi	Populasi
Temuan	Selangor, Negeri Sembilan Melaka, Pahang dan Muar, Johor.	Tiada data
Jakun	Selatan Semenanjung	Tiada data
Kanaq	Kampung Selangi, Mawai daerah Kota Tinggi Johor	17 keluarga seramai 65 orang
Seletar	Pesisiran pantai Selatan Johor dan utara Singapura.	Tiada data
Kuala	Kuala-kuala sungai di pesisiran pantai selatan negeri Johor, daerah Batu Pahat dan Pontian.	529 keluarga seramai 2378 orang

* data diperolehi dari laman web Jabatan hal Ehwal Orang Asli Malaysia

Jadual 2.1 menunjukkan lokasi dan populasi masyarakat ini di Semenanjung Malaysia. Orang Melayu Asli ataupun Melayu Proto biasanya tinggal berjiran dengan

Orang Melayu. Mereka mendiami negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Adat resam dan kebudayaan mereka boleh dikatakan mempunyai persamaan tertentu dengan orang Melayu. Kebanyakan perkampungan mereka kini terletak di dalam kawasan bandar dan pinggir. Terdapat 6 suku kaum di dalam rumpun bangsa Melayu Asli/Proto iaitu Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar.

Jadual 2.2: Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Negrito di Semenanjung Malaysia

KumpulanEtnik	Lokasi	Populasi
Kensui	Baling, Kedah	30 keluarga seramai 204 orang
Jahai	Hulu Perak Jeli, Hulu Kelantan	Tiada data
Lanoh	Hulu Perak	359 orang
Mendriq	Pedalaman Kelantan	14 keluarga seramai 84 orang
Bateq	Kawasan pedalaman utara Pahang, kawasan barat Terengganu dan selatan Kelantan.	196 keluarga seramai 1004 orang
Kintaq	Gerik, Hulu Perak	25 keluarga seramai 112 orang

* data diperolehi dari laman web Jabatan hal Ehwal Orang Asli Malaysia

Jadual 2.2 menunjukkan taburan masyarakat ini di Semenanjung Malaysia. Suku kaum Negrito terdapat di kawasan utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Di

kawasan utara Semenanjung Malaysia, mereka mendiami negeri Kedah dan juga Hulu Perak. Manakala di pantai timur pula, lokasi penempatan mereka di selatan dan Hulu Kelantan, kawasan barat Terengganu dan juga pedalaman utara Pahang.

Jadual 2.3: Senarai Suku Kaum dan Lokasi Masyarakat Senoi di Semenanjung Malaysia

Kumpulan Etnik	Lokasi	Populasi
Semai	Kawasan Banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat.	42 000 orang
Temiar	Pedalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang.	Tiada data
Jahut	Daerah Temerloh dan Jerantut di Negeri Pahang.	Tiada data
Che Wong	Daerah Raub dan Temerloh, Pahang	68 keluarga seramai 417 orang.
Mah Meri	Berhijrah di pulau-pulau di selatan Johor ke pantai negeri Selangor	Tiada data
Semelai	Tasik Bera, Sg. Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak serta di sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan seperti di Sg. Serting, Sg. Lui dan Ulu Muar.	Tiada data
Semoq Beri	Kawasan pinggir Pahang dan Terengganu.	470 keluarga seramai 2505 orang

* data diperolehi dari laman web Jabatan hal Ehwal Orang Asli Malaysia